

## 30 Hari | Kesaksian dari India

---

Nama saya Rachid. Saya dilahirkan ke dalam keluarga Muslim. Saya telah berkahwin pada tahun 1999 dan kembali tinggal di bandar tempat asal saya. Walaupun pendapatan saya bagus pada masa itu, saya tidak ada kedamaian di dalam hidup saya. Saya merokok, meminum minuman keras dan suka main satu permainan daun terup yang digelar Juhua untuk

mendapatkan wang. Dalam keluarga saya, kami selalu bertengkar walaupun saya ke masjid setiap hari Jumaat. Apabila anak saya yang kedua dilahirkan, saya telah bertemu dengan seorang yang bernama Ramchand. Sambil kami lebih berkenalan di antara satu sama lain, dia memberitahu saya tentang Yesus. Dia menjelaskan kepada saya bahawa Yesus nyata hidup. Semasa membaca Alkitab, banyak pertanyaan timbul di fikiran saya tentang kepercayaan yang sebenar. Akhirnya pada suatu hari semasa saya

berdoa, saya meminta Tuhan Bantu saya berhenti merokok, kerana saya ketagih kepada rokok. Saya percaya akan Tuhan dan menerima pengampunanNya melalui Kristus. Tuhan telah melepaskan saya dari ketagihan saya! Kemudiannya saya melalui suatu program latihan dengan sekumpulan orang Kristian yang telah lebih lagi membantu saya. Sekarang saya memberitahu orang Islam bagaimana mereka dapat juga menemui Kristus. Saya mempunyai satu perniagaan kecil dan dua orang Islam juga bekerja

## 30 Hari | Kesaksian dari India

---

bersama-sama dengan saya. Saya sadar bahwa Tuhan benar-benar akan menjaga saya dan keluarga saya.

### **Satu lagi kesaksian dari India:**

Nama saya Akbar. Suatu ayat dari kitab nabi Yesaya (fasal 65:1) sangat bermakna buat saya. Tuhan mengatakan “Aku telah berkenan memberi petunjuk kepada orang yang tidak menanyakan Aku; Aku telah berkenan ditemukan oleh

orang yang tidak mencari Aku.” Firman Tuhan ini telah terbukti benar di dalam hidup saya dan hidup sekeluarga saya. Saya adalah anak ke-enam ibubapa saya.

Abang saya Mustapha sedang berjalan pada suatu hari apabila dia mendengar suara seseorang memanggil namanya “Mustapha, Mustapha, Akulah Tuhan Allahmu.” Ia merupakan suatu pengalaman yang aneh yang tidak pernah terjadi kepadanya. Sekali lagi suara

itu bercakap dan dia mendapati bahawa suara itu datang dari langit. Dalam beberapa jam yang berikutnya, Mustapha berada di dalam kebaktian Kristian dan percaya kepada Yesus, Mesias. Saya, serta semua ahli keluarga saya menolak kemurtadan abang saya, tetapi lama-kelamaan seorang yang rapat dengan keluarga kami mengalami penyembuhan luarbiasa di dalam rumah kami. Mustapha telah mendoakannya dan mengusir roh jahat dalam nama Yesus. Ini menarik perhatian saya dan saya mula membaca Alkitab. Saya

## 30 Hari | Kesaksian dari India

---

menemui firman dia Markus 16:16-18 di mana Yesus berkata “Tanda-tanda ini akan menyertai orang-orang yang percaya: mereka akan mengusir setan-setan demi nama-Ku, ... mereka akan meletakkan tangannya atas orang sakit, dan orang itu akan sembuh”

Lama kelamaan saya memahami bahwa pengampunan Tuhan diberikan percuma kepada semua orang melalui Yesus Kristus dan bahwa manusia tidak dapat

mencapai ini melalui perbuatan baik. Saya percaya kepada Tuhan dan lambat-laun, setiap ahli keluarga saya juga percaya akan Injil. Tuhan telah membuka hati mereka seperti mana Dia membuka hati Lidia (KPR 16:14).

[www.30-days.net](http://www.30-days.net)

[www.30daysfire.net](http://www.30daysfire.net)

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim